

**FAKTOR DAN KESAN MURTAD MASYARAKAT MELAYU
MENERUSI NOVEL TUHAN MANUSIA KARYA FAISAL TEHRANI:
SATU PENELITIAN TAKMILAH**

MUHAMMAD NUR AL-HAKIM MOHAMAD HANAFIAH

Universiti Malaysia Kelantan

alhakim201@yahoo.com

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB

Universiti Malaysia Kelantan

firdaus.cy@umk.edu.my

ABSTRAK

Fenomena murtad dalam kalangan masyarakat Melayu pada hari ini amat membimbangkan dan memberi kesan-kesan negatif kepada manusia. Murtad merujuk kepada perkara meninggalkan "keluar" dari sesuatu agama. Orang murtad boleh beralih kepada agama yang lain atau memilih untuk kekal tanpa agama (*ateisme*). Pengkajian ini mendasari tentang konsep-konsep Islam seperti akidah, dakwah dan khalifah dalam novel *Tuhan Manusia* karya Faisal (2007). Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu murtad. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks. Di samping itu, teori Takmilah dijadikan sebagai deduktif kajian dengan menggunakan prinsip-prinsip Islam, ilmu dengan sastera, Islam bersifat Akmal, khalayak yang bersifat Kamil sebagai sokongan analisis kajian agar lebih mapan dan sistematis. Kajian ini diharap dapat memberi kefahaman kepada khalayak bahawa melalui karya sastera juga dakwah dapat disampaikan dengan penuh kreatif dan berkesan kepada semua pembaca

Kata Kunci: Faktor; masyarakat Melayu; murtad; novel; Takmilah

**THE FACTOR AND EFFECTS APOSTACY MALAY COUMMUNITY IN NOVELS
TUHAN MANUSIA BY FAISAL TEHRANI: AN OBSERVATION ON TAKMILAH**

ABSTRACT

The phenomenon of apostasy among Malay community today is very worrying and give negative effects to human. Apostates refer to the matter of "leaving" a religion. The apostacy may turn to another religion or choose to remain religious (atheism). This study is based on Islamic concepts such as creed, da'wah and caliphate in Faisal's novel *Tuhan Manusia* (2007). Further, this study aims to identify and analyze the factors that led to a person's apostasy. In addition, this study uses qualitative methods that refer to library and text methods. In addition, the theory of Takmilah was made deductive of the study by applying Islamic principles, knowledge of literature, Islam in Akmal, Kamil-like audience in support of research analysis to be more systematic. It is hoped that this study will provide the audience with the knowledge that through the work of literature also can be delivered creatively and effectively to all readers.

Keywords: Factor, Malay Community; apostasy; novel; Takmilah

PENGENALAN

Islam berserah diri kepada Allah dengan mentauhidkan-Nya, tunduk dan patuh kepada-Nya dengan ketaatan, dan berlepas diri dari perbuatan syirik dan para pelakunya, (Syeikh Muhammad Abdul Wahab Rahimahullah, 2006). Oleh itu, pendapat Syeikh Muhammad Abdul Wahab Rahimahullah (2006) turut di sokong oleh Muhammad Ibrahim At-Tawaijiri (2003) menegaskan bahawa Islam adalah penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah dengan mengesakan-Nya dan melaksanakan syariat-Nya dengan penuh ketaatan atau melepaskan dari kesyirikan. Sehubungan itu, kenyataan dari kedua-dua tokoh tersebut jelas menerangkan bahawa semua penganut agama Islam wajib tunduk dan patuh kepada ajaran Islam. Kepercayaan dan keyakinan terhadap keesaan Allah SWT harus teguh dan tidak berbelah bagi kepada mana-mana kepercayaan selain daripada Allah SWT. Selain itu, Penganut agama Islam juga tidak dibenarkan untuk menduakan Allah SWT.

Rentetan daripada itu, murtad ialah seorang muslim *mukallaj* yang keluar dari agama Islam sama ada dengan kepercayaan, perbuatan, atau perkataan dan dengan kehendaknya sendiri (Arieff Salleh Rosman, 2001). Perkataan “Murtad” adalah dari bahasa Arab yang berasal daripada perkataan “Riddah” yang memberi makna kembali daripada sesuatu kepada selainnya (*Kamus Bahasa Arab*, 2019). Oleh itu, hal ini bermaksud bahawa murtad merujuk kepada orang yang kembali daripada sesuatu kepada selainnya. Selain itu, pendefinisan murtad dari sudur syarak pula ialah seorang muslim *mukallaf* yang keluar daripada agama Islam sama ada dengan kepercayaan, perkataan atau perbuatan, dengan kehendaknya sendiri (Indriaty Ismail & Kamal Azmi Abdul Rahman, 2017). Dalam konteks ini membuktikan bahawa murtad merujuk kepada orang muslim yang beragama Islam keluar daripada agama Islam dan tidak berpegang kepada tali Allah SWT.

Tambahan pula, Amran Kasmin (1988) berpendapat bahawa murtad merupakan persoalan yang baru di tanah air yakni Malaysia, biarpun sepatutnya masyarakat Islam telah menyedari sebelum ini kerana masalah murtad telah wujud sejak sekian lama. Dakwaan tentang adanya orang-orang Islam yang telah murtad dengan memeluk agama Kristian itu harus diketengahkan bertujuan untuk menyedarkan tentang betapa isu murtad harus dipandang serius oleh masyarakat Malaysia masa kini. Di samping itu, kewujudan fenomena atau isi murtad dalam kalangan orang Islam ini adalah bertitiktolak daripada fenomena berakidah orang Islam itu sendiri yang jahil dengan pegangan agama. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kenyataan oleh Mustafa Daud (1996) yang menegaskan bahawa akidah merupakan asas utama orang Islam. Jika tamadun itu disamakan dengan rumah, maka tapak atau tiang itu ialah iman. Semakin tinggi rumah yang hendak dibina, maka semakin kukuh dan kuat tapak yang diperlukan. Begitulah ibaratnya sesebuah tamaduan Islam dan orang Islam itu sendiri. Sehubungan itu, tunjang utama untuk menjaga akidah ialah dengan menjaga iman. Hal ini kerana, Iman boleh diibaratkan sebagai sebagai batu, besi dan kayu yang tertanam di dalam perut bumi di bawah bangunan yakni sesebuah tamadun Islam. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawap pengkaji untuk menerokai bagaimana faktor-faktor terjadi murtad dalam kalangan orang Islam pada hari ini dan perkara ini sewajarnya dikenalpasti demi memastikan agama Islam terpelihara daripada anasir-anasir negatif yang akan membawa kejatuhan masyarakat Islam di seantero dunai.

SOROTAN KAJIAN

Pengkaji menyoroti beberapa kajian-kajian lepas untuk menjawab objektif kajian ini. Kajian lepas ini diperoleh daripada penulis Muhammad Nur Adzim Amran, Ahamad Asmadi & Latifah Abdul Majid (2015) menerusi kajian yang bertajuk “Analisis Hadis Mawduc dalam Novel *Perempuan Nan Bercinta* Karya Faisal Tehrani. Pengkajian ini mengutarakan tentang elemen hadith-hadith mawduc dalam novel *Perempuan Nan Bercinta*” bagi membuktikan kebenaran dakwaan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tentang hadith palsu yang diterapkan dalam novel tersebut. Oleh itu, hadith-hadith tersebut dianalisis dalam kajian ini menggunakan kaedah takhrij dan ilmu al-jarh wa al-tacdir berdasarkan beberapa pendapat para ulama. Hasil kajian mendapati bahawa dua dari 40 hadith dalam novel tersebut adalah hadith mawduc dan membuktikan dakwaan KDN adalah benar. Seterusnya, dalam artikel yang bertajuk “Perjuangan Wanita dalam Novel *Surat-Surat Perempuan Johor* Karya Faisal Tehrani” oleh Rosmah Derak & Asmiaty Amat (2016). Pengkajian ini membincangkan mengenai perjuangan golongan wanita yang menjadi wakil golongan dijajah untuk menulis semula sejarah Johor yang dikatakan telah dipalsukan oleh Inggeris. Seterusnya, kaedah analisis tekstual digunakan untuk mengkaji dan sejarah Johor yang dibenamkan oleh Inggeris dalam novel ini. Akhir sekali, hasil kajian mendapati Johor pernah melaksanakan pemerintahan Islam dan Inggeris sememangnya telah mencampuri pemerintahan sultan ketika itu sedikit demi sedikit mengubah sejarah Johor.

Seterusnya, Tengku Intan Marlina, Madiawati Mamat @ Mustafa & Fauzi Hasan (2017) menerusi kajian yang bertajuk *Novel-Novel Faisal Tehrani dari Perspektif Teksdealisme*. Pengkajian ini lebih memfokuskan idea dan pemikiran pengarang dalam menghasilkan karya sastera yang unggul. Selain itu, kajian ini menumpukan terhadap tiga buah novel karya Faisal Tehrani iaitu novel *1515* (2003), *Tunggu Teduh Dulu* (2008) dan *Bahlut* (2010). Seterusnya analisis kajian ini mengaplikasikan teori Teksdealisme bagi mencapai huraian yang sistematik dan menyeluruh. Hasil kajian mendapati bahawa Faisal Tehrani seorang penulis novel yang berwibawa dalam dunia kesusasteraan tanah air.

Penelitian seterusnya dijalankan dalam kajian yang bertajuk “Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu oleh Che Abdullah Che Ya (2018) yang menekankan persoalan kepercayaan, keimanan serta penglibatab orang Melayu dalam dunia korporat. Selain itu, kajian ini menyentuh teknik kepenggarangan iaitu dialog, monolog, imbas muka termasuk mimpi dan perlambangan. Reka bentuk kajian ini bersandarkan kajian kualitatif sebagai instrument kajian. Setelah itu, data dianalisis menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan alamiah dan pendekatan dakwah. Hasil kajian menunjukkan novel ini banyak mengolah reality kehidupan masyarakat Melayu yang sangat bergantung kepada alam, baik dari segi sumber inspirasi maupun ekonomi. Kajian selanjutnya ialah kajian “Kepenggarangan dalam Karya-Karya Faisal Tehrani: *Suara Untuk Suara Yang Tidak Bersuara*” oleh Naim Abd Aziz (2019) yang membincangkan mengenai gaya penulisan Faisal Tehrani dalam karya-karya sasteranya. Seterusnya, kajian ini menghuraikan kandungan novel dan garapan yang diterapkan dalam karya-karya sastera. Hasil kajian mendapati bahawa karya-karya tersebut memiliki kelebihan yang tersendiri dengan dimuatkan pelbagai fakta dan dijalin dengan gaya bahasa sehingga terhasilnya karya sastera yang unggul.

PENYATAAN MASALAH

Penyataan masalah ini dapat dibuktikan melalui sorotan-sorotan kajian lepas yang diperoleh oleh penulis. Oleh itu, kajian ini bertitiktolak daripada daripada hasil pengamatan pengkaji secara sistematis menerusi pengkajian oleh Muhammad Nur Adzim Amran, Ahamad Asmadi & Latifah Abdul Majid (2015) yang bertajuk “Analisis Hadis *Mawduc* dalam Novel *Perempuan Nan Bercinta* Karya Faisal Tehrani”, seterusnya “Perjuangan Wanita dalam Novel *Surat-Surat Perempuan Johor* Karya Faisal Tehrani” oleh Rosmah Derak & Asmiaty Amat (2016), *Novel-Novel Faisal Tehrani dari Perpektif Teksdealisme* oleh Tengku Intan Marlina, Madiawati Mamat @ Mustafa & Fauzi Hasan (2017), “Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu” oleh Che Abdullah Che Ya (2018) dan *Kajian Kepenggarangan dalam Karya-Karya Faisal Tehrani: Suara Untuk Suara Yang Tidak Bersuara* oleh Naim Abd Aziz (2019).

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, didapati bahawa terdapat sejumlah kajian telah dilakukan terhadap karya-karya Faisal Tehrani dan pelbagai perspektif telah dikaji. Namun begitu, kelompongan yang dikenalpasti ialah novel *Tuhan Manusia* masih belum dikaji secara menyeluruh khususnya dalam isu murtad. Oleh itu, kajian mengenai isu murtad dengan menekankan aspek faktor wajar dilakukan. Kajian ini akan merungkai faktor berlakunya jenayah murtad menerusi novel *Tuhan Manusia* dengan mengaplikasikan tiga prinsip teori *Takmilah* sebagai deduktif kajian. Selain itu, faktor murtad akan dipertalikan dengan prinsip-prinsip *Takmilah* bagi memantapkan lagi hujahan dalam perbincangan analisis. Seterusnya, pengkaji berpendapat kajian ini wajar dilakukan bertujuan untuk membuka minda masyarakat mengenai isu murtad yang semakin berleluasa namun dipandang sebelah mata oleh masyarakat Malaysia. Kajian ini juga bertujuan memupuk masyarakat ke arah berfikiran terbuka terhadap fahaman-fahaman lain yang ada dunia supaya tidak mudah terpesong. Selain itu, kajian ini diharap dapat menjadi nilai tambah dalam dunia penyelidikan sastera terutama terhadap karya-karya Faisal Tehrani.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan sebuah novel yang bertajuk *Tuhan Manusia* karya Faisal Tehrani yang diterbitkan oleh Al-Ameen Serve Holding Sdn. Bhd pada tahun 2007. Skop kajian ini hanya memfokuskan isi-isi dalam novel ini yang berkaitan dengan isu murtad yakni dari aspek jenis, faktor dan kesan berlakunya jenayah murtad. Selain itu, kajian ini bertumpu kepada isu murtad yang diutarakan oleh penulis novel, Faisal Tehrani. Seterusnya, kajian ini juga terbatas kepada tiga prinsip *Takmilah*. Antaranya termasuklah, keislaman yang bersifat Akmal, ilmu dengan sastera yang bersifat Takammul, dan khalayak ke arah insan Kamil. Prinsip-prinsip ini sesuai digunakan untuk mengkaji novel *Tuhan Manusia* karya Faisal Tehrani. Hal ini kerana novel tersebut mengandungi semua kriteria yang terdapat dalam empat prinsip *Takmilah*. Kajian ini bertumpu kepada unsur-unsur Islam pada watak dan faktor-faktor berlakunya gejala murtad ini bertepatan dengan empat prinsip *Takmilah* yang dipilih.

METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks. Kaedah kepustakaan dilakukan melalui proses pengumpulan data mengenai kajian untuk mendapatkan data dan maklumat sedia ada yang sesuai dengan kajian. Sebagai contohnya artikel, jurnal, tesis, buku dan kertas kerja yang berkaitan aspek kajian. Kaedah ini tertumpu di perpustakaan tepilih. Contohnya, Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Negeri Kelantan. Selain itu, kaedah teks pula melibatkan pembacaan novel *Tuhan Manusia* oleh Faisal Tehrani

(2007). Seterusnya, pengenalpastian mengenai isu murtad melalui novel tersebut dilakukan bagi memenuhi matlamat kajian ini iaitu menganalisis isu murtad yang semakin berleluasa namun masih dipandang remeh oleh kebanyakan masyarakat Malaysia. Setelah itu, aspek-aspek yang dikenalpasti akan dianalisis menggunakan teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafei Abu Bakar (1996) bagi membuktikan pengarang novel menitikberatkan isu murtad dalam penulisannya.

Selanjutnya, kajian ini akan memperincikan tentang teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafie Abu Bakar. Beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Teori ini merupakan satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid dan nilai keIslamam

Menurut Shafei Abu Bakar (1996), ‘takmilah’ ialah istilah yang berkait rapat dengan sifat Kamal Allah yang bererti sempurna. Melalui kata dasar sempurna ini telah lahir perkataan ‘takmilah’ yakni menyempurnakan. Justeru, melalui perkataan ini menunjukkan bahawa karya yang dikaji menggunakan teori Takmilah ia menjadi sempurna lagi menyempurnakan. Menurut Mana Sikana (1997), pada tahun 1996, Shafei Abu Bakar telah memperhalusi dan memantapkan lagi teori Takmilah dengan mengutarakan 7 prinsip. Prinsip-prinsip tersebut termasuklah prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Islam yang bersifat Akmal, prinsip Ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

Pertama, prinsip yang terkandung dalam Teori Takmilah ialah Ketuhanan Bersifat Kamal. Menurut Shafei Abu Bakar (1997) prinsip pertama dalam teori Takmilah ini menghuraikan hubungan dua sifat Allah SWT iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Kesempurnaan-Nya yang jelas dilihat melalui makhluk kejadianNya. Kewujudan manusia yang telah dicipta oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian dalam memperlihatkan sifat Kamal dan Jamal-Nya. Seterusnya, prinsip Rasul sebagai insan Kamil. Prinsip ini keRasulan sebagai insan Kamil mempunyai pertalian dengan Rasulullah SAW sebagai insan Kamil yang mempunyai pertalian dengan istilah “Kamal” bererti sifat Allah yang Maha Sempurna. Tambahan lagi, menurut Kamariah Kamaruddin (2016) didapati bahawa sifat yang ada pada Rasulullah SAW sebagai insan Kamil (sempurna) ini bagi membuktikan kewujudan manusia dengan sebaik-baik kejadian yang seterusnya dapat dijadikan *qudwah hasanah* (contoh tauladan) kepada manusia dalam merealisasikan kehidupan lebih baik (Shafei Abu Bakar, 1997).

Seterusnya, prinsip Islam bersifat Akmal. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip yang ketiga ialah prinsip Islam yang bersifat Akmal ialah menjelaskan Islam merupakan satu-satunya agama yang diredhai-Nya dan ia merupakan agama yang sempurna dari segenap aspek dan prinsip hubungan sastera dengan ilmu bersifat Takamul yang menyentuh kepada untuk melihat hubungan sastera dengan ilmu yang mempunyai pertalian dengan diri sendiri khususnya melalui akal dan hati. (Shafei Abu Bakar, 1997). Hal ini menjelaskan bahawa ilmu yang dibawa dalam kandungan sastera seharusnya berhubungkait dengan diri sendiri supaya tidak makna dan mesej yang ingin disampaikan tidak terpesong. Selain itu, Teori ini memiliki prinsip sastera bercirikan estetik dengan melihat sastera yang berciri estetik ini dapat dilihat dari dua aspek iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Kedua-dua aspek ini terjalin dengan indah dan berupaya berdiri sebagai sebuah karya sastera yang boleh memberi manfaat kepada khalayak (Shafei Abu Bakar, 1997).

Seterusnya, prinsip pengkarya mengistikmalkan diri merupakan tunjang kepada pengkarya itu sendiri melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keIslamam dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera iaitu seorang sasterawan muslim seharusnya tergolong dalam

golongan yang alim dalam ilmu-ilmu Islam terutama ilmu yang ingin disampaikan kepada khalayak (Shafei Abu Bakar, 1997). Disamping itu, prinsip hubungan khalayak dengan sastera merupakan suatu hubungan rapat antara satu sama lain yang memperincikan tentang pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan (Shafei Abu Bakar, 1997).

FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA ISU MURTAD DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

Punca-punca murtad boleh terbahagi kepada beberapa faktor. Tiga faktor utama yang menyebabkan seseorang itu tergelincir dari landasan akidah dan jatuh dalam kancang murtad. Menurut Norayu Basir & Azizah Abdullah (2014) tiga faktor tersebut adalah faktor individu, keluarga dan masyarakat. Melalui teks kajian yakni novel *Tuhan Manusia*, ketiga-tiga faktor ini telah digariskan oleh penulis yakni Faisal Tehrani dalam novel tersebut. Penulis telah menggarap novel ini dengan gaya penulisan yang sangat baik dan memberi kefahaman kepada pembaca. Faktor-faktor murtad dikesan melalui pembacaan dan huraianya berbentuk beragam-agam dalam keseluruhan jalan cerita. Namun begitu, penulis bijak dalam menyusun ketiga-tiga faktor melalui setiap babak dalam novel. Faktor individu digambarkan melalui watak negatif yang telah terpesong akidahnya sehingga dirinya murtad. Beberapa orang watak lain yang mewakili faktor keluarga dan masyarakat. Ketiga-tiga faktor tersebut dirangkum oleh penulis dengan penuh rasa kesedaran untuk membuka mata masyarakat tentang faktor yang menyebabkan murtad.

Faktor Individu

Faktor individu ialah faktor yang disebabkan oleh kelemahan individu itu sendiri yang jahil tentang hakikat ketuhanan sehingga terpesong akidah. Menurut Said Ibrahim (1998) seseorang itu mudah terpengaruh dengan fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam sekiranya merudum keteguhannya terhadap keagungan ajaran Islam. Keyakinan dan keimanan adalah bergantung kepada hati individu tersebut. Melalui novel *Tuhan Manusia*, penulis menggambarkan watak Talha abang kepada Ali Taqi yang murtad kerana terpengaruh dengan fahaman yang membawa bercanggah dengan agama Islam. Ini dapat dijelaskan dalam novel dalam petikan 1 di bawah:

Petikan 1

“Sebenarnya gerakan pluralisme ini ialah gerakan ideologi Barat yang mahu mendominasi budaya dan kehidupan manusia. Mereka mengenakan selubung yang kononnya mereka berniat baik. Yang menentang mereka, akan dilabelkan sebagai radikal, fundamentalis, fanatic, tak rajin membaca, konservatif, tak guna akal, tak sensitif terhadap kehendak masyarakat zaman ini, tidak moden dan macam-macam lagi”

(Faisal Tehrani, 2007:57)

Pengarang membuktikan bahawa fahaman-fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam kebanyakan sangat kuat dari segi hujah dan huraian yang meyakinkan. Fahaman ini juga

mendapat sokongan dari kuasa-kuasa besar seperti Barat yang banyak menyumbangkan dana kepada pengikut ajaran yang bercanggah ini. Jadi, tidak menjadi masalah yang besar untuk golongan ini menyebarkan fahaman mereka sehingga berjaya mempengaruhi pemikiran sesetengah individu. Penulis yakni Faisal Tehrani, memberi penjelasan yang sangat terperinci tentang betapa golongan pluralis berusaha untuk mencemarkan pemikiran orang Islam supaya meragukan ajaran Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW kepada umat manusia.

Sehubungan itu, pengaplikasian prinsip Takmilah iaitu prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip ini menuntut agar sesebuah karya sastera itu sarat dengan isi yang berguna dan memberi faedah kepada pembaca. Berdasarkan petikan, pengarang menyeru agar bersiap siaga untuk menepis dakwah golongan *pluralis* yang nyata bercanggah dengan fahaman Islam. Oleh itu, karya ini memenuhi ciri yang dituntut oleh prinsip Takmilah.

Penulis juga ada memasukkan dalil al-Quran bagi memperkuatkan lagi fakta untuk menafikan fahaman-fahaman songsang golongan *pluralis*. Ini dapat dijeaskan dalam novel Tuhan Manusia melalui petikan 2 di bawah:

Petikan 2

“Dan gagasan yang disarankan oleh al-Quran ketika melakukan perbandingan agama ialah dengan membandingkan rasionaliti. Allah SWT berfirman: ‘Katakanlah, inilah jalanku, aku dan orang-orang yang mengikutku menyeru kamu kepada Allah berdasarkan pengetahuan yang nyata.’ Itu pertama, dan seterusnya dalam surah al-Baqarah ayat 111, Allah meminta mereka mengakui sesuatu kebenaran itu untuk berhujah dengan logik. Firman Allah berbunyi: ‘Tunjukkan bukti yang kamu memang orang-orang yang benar.’”

(Faisal Tehrani, 2007:180)

Petikan di atas memberi pencerahan tentang betapa kaburnya fahaman golongan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kebanyakan hujah golongan ini adalah kabur dan tidak pasti hujung pangkalnya kerana ada sesetengah hujah mereka tidak boleh dicerna oleh logik akal manusia. Penulis memberi kefahaman kepada pembaca melalui dalil tersebut bahawa semua agama tidak dapat dileburkan menjadi satu seperti yang diperjuangkan oleh golongan pluralis. Individu yang cetek ilmu tauhid akan mudah terpengaruh dengan agenda songsang yang dibawa oleh golongan ini. Petikan di atas juga membuktikan bahawa penulis amat menitikberatkan fakta dan tepat dan dalil yang benar dalam menghasilkan novel *Tuhan Manusia*. Hal ini kerana penulis sangat menolak karya sastera yang bersifat kabur atau ‘*absurd*’. Sesebuah karya sastera Islam seharusnya meninggalkan kesan Islamis atau dakwah kepada pembaca dan memberi cahaya kepastian kepada pembaca tentang sesuatu isu yang diangkat atau difokuskan dalam novel atau bentuk karya sastera Islam yang lain.

Sehubungan itu, prinsip teori Takmilah sastera dengan ilmu sangat bertepatan dengan karya sastera Islam Faisal Tehrani yang satu ini. Menurut Mohd Faizal Musa (2012), salah satu prinsip yang disarankan oleh Shafei Abu Bakar (1997) ialah prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul*. Ini memberikan implikasi bahawa sastera juga harus bersifat sempurna dan sastera yang sempurna dikaitkan dengan kewujudan ilmu. Ilmu tersebut pula pertalian dengan akal dan hati manusia. Menurut Shafei Abu Bakar (1997) menekankan betapa pentingnya ilmu dalam Gagasan Takmilah. Sastera harus membawa dan menerapkan pendidikan yang merupakan salah satu sifat-sifat Allah SWT. Hal ini akan membuktikan sifat sastera Islam yang menyempurnakan’. Menurut gagasan ini, karya sastera dituntut mananamkan nilai-nilai pendidikan yang membawa maksud ‘menyampaikan ilmu kepada yang dididik. Shafei juga menegaskan ‘seni sastera didikan dan ilmu mempunyai peranan mentakmilah antara satu sama lain’ Novel *Tuhan Manusia* yang dihasilkan oleh Faisal Tehrani ini tepat dengan ciri-ciri prinsip Takmilah sastera dengan ilmu atau dengan kata lain intelektual dalam karya sastera Islam.

Faktor Keluarga

Keluarga memainkan peranan penting dalam mencorak hala tuju sesebuah keluarga. Sesebuah keluarga itu mempunyai sistem kekeluargaan yang tersendiri. Menurut Mohd Farid Mohd Sharan (2014) seorang bapa harus memainkan peranan secara berkesan dalam keluarga supaya ahli keluarganya tidak terpesong ke jalan-jalan yang salah. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan 3 di bawah:

Petikan 3

“Bapanya yang telah meracun dan mencemar fikiran Zehra dengan penyelewengan falsafah yang berat.” Abang Abbas mengeluh berat.”

(Faisal Tehrani, 2007: 73)

Pengarang membuktikan bahawa bapa kepada Zehra telah mempengaruhi anaknya sendiri dengan falsafah dan fahaman yang bercanggah dengan agama Islam. Ini jelas menunjukkan bahawa keluarga sendiri juga boleh menjadi salah satu punca kebinasaan iman sesebuah keluarga. Aris Iskandar yang taksub dengan fahaman liberal telah meracun fikiran anaknya sendiri iaitu Zehra sehingga Zehra terpengaruh dan percaya secara bersungguh dengan fahaman ayahnya itu. Sehubungan itu, menerusi teori Takmilah yang dilhamkam oleh Shafei Abu Bakar (1997) analisis ini bersesuaian dengan prinsip keislaman yang bersifat Akmal (sempurna) di mana prinsip ini menggariskan tentang agama Islam sebagai agama yang sempurna dan syumul. Berdasarkan petikan, jelas menunjukkan seorang bapa yang memberi ajaran yang bertetangan dengan Islam iaitu menerapkan fahaman-fahaman Barat kepada anak perempuannya. Rentetan itu, novel ini bertujuan membawa pembaca untuk merenung betapa pentingnya penerapan agama Islam dalam institusi kekeluargaan supaya terbinanya sebuah keluarga yang diredhai Allah. Hal ini bertepatan dengan kehendak prinsip ini iaitu sesebuah karya sastera berupaya memupuk pembaca ke arah kemurnian dan kesejahteraan menerusi keagungan agama Islam.

Di samping itu, penulis ada menyebut tentang golongan remaja yang kurang atau tidak langsung mengambil perhatian serius tentang isu murtad. Remaja tidak sepatutnya mengambil ringan tentang perkara ini kerana golongan remaja menjadi sasaran utama mereka untuk dimanipulasi dan dijadikan tentera fahaman selain Islam. Hal ini dapat dijelaskan dalam novel *Tuhan Manusia* melalui petikan 4 di bawah:

Petikan 4

“Kenapa? Ustaz bimbang remaja seperti saya tak dapat memahami isu seperti ini?”
Saya melemparkan satu kenyataan yang mengisyiharkan bahawa saya kecewa jika dipandang kerdil. “Inilah yang sedang masyarakat depani Usatz, maka inilah yang saya juga sebagai remaja harus depani, kalau orang dewasa selalu merahsiakan atau mengelak dari berbicara soal-soal begini, kononnya isu begini bukan milik remaja maka bila kami diutus ke tengah masyarakat, kami pun tidak dapat berperanan dengan sempurna.”

(Faisal Tehrani, 2007: 26)

Petikan menjelaskan isu murtad ini amat sunyi dalam perbincangan kalangan remaja pada zaman sekarang kerana keluarga tidak memainkan peranan yang sepatutnya dalam membincangkan hal-hal berkaitan agama. Hal ini sepatutnya tidak harus berlaku dan wajar diubah supaya remaja sekarang lebih peka dengan hal-hal berkaitan murtad supaya mereka

dapat menepis setiap pengaruh yang membawa fahaman yang bercanggah dengan Islam. Masyarakat sendiri seharusnya menggalakkan penglibatan remaja dalam hal yang dianggap asing sebegini. Perkara ini haruslah dilihat dari sudut menegakkan agama Islam yang sekarang dilihat semakin hari semakin goyah dalam negara Malaysia sendiri. Remaja sekarang lebih terarah kepada perkara-perkara yang berfokus kepada teknologi semata-mata sehingga hal ehwal agama dipandang sebelah mata sahaja. Namun begitu, tidak semua golongan remaja yang hanya tertarik dengan teknologi semata-mata.

Sesetengah golongan remaja yang suka membaca juga tidak terlepas dari cengkaman dakyah negatif yang menyebarkan fahaman salah melalui media cetak seperti buku, artikel, majalah akhbar dan lain-lain. Ini dapat dijelaskan dalam novel Tuhan Manusia melalui petikan 5 di bawah:

Petikan 5

“Waktu itu saya memang sedikit terlongo mendengarkan istilah tersebut. Saya berazam untuk membaca lebih banyak tentang hal yang pada mulanya kedengaran asing itu. Saya juga bukan jenis remaja yang boleh dicucuk hidungnya dan membuntut tanpa arah dan sebab. Saya bukan seperti ramai anak muda yang menjadi pengekor Aris Iskandar. Mereka mabuk dengan nama-nama dan istilah-istilah serta bermacam-macam falsafah. Mereka bangga kononnya telah melakukan kajian terperinci tentang masyarakat. Dengan itu mereka menyarankan mereka lebih mengerti persoalan masyarakat secara falsafahnya berbanding golongan lain. Puak yang menentang mereka dianggap golongan yang tertutup fikirannya dan bukan golongan intelektual.”

(Faisal Tehrani, 2007: 29)

Petikan ini menjelaskan bahawa bukan sahaja media elektronik yang digunakan oleh golongan pluralis, liberal, ateis dan bermacam-macam lagi fahaman, malahan media cetak juga menjadi platform kepada mereka untuk menyebarkan fahaman dengan hujah-hujah yang tidak boleh terima pakai oleh agama Islam. Jadi, golongan remaja harus sedar dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan hal berkaitan murtad supaya tidak terjerumus atau terpengaruh dengannya. Penulis menegaskan bahawa kebanyakan remaja yang suka membaca seharusnya peka dengan isi bacaan mereka supaya tidak terpengaruh dengan fahaman-fahaman salah yang disebarluaskan melalui media cetak. Seperti yang digambarkan dalam novel, ada sesetengah remaja yang tertarik dengan istilah-istilah dan nama-nama serta fahaman falsafah yang menerangkan perkaitan kehidupan masyarakat. Namun begitu, ada fahaman atau teori yang dipelopori oleh orang Barat menerangkan perihal manusia dan masyarakat tetapi menolak penglibatan agama sehingga dapat memesongkan akidah remaja Islam yang membaca dan terpengaruh dengannya.

Sehubungan itu, prinsip Takmilah iaitu prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takmilah dilihat bersesuaian untuk memanjangkan hujah ini. Hal ini kerana petikan-petikan di atas menekankan aspek ilmu pengetahuan mengenai fahaman selain Islam. Rentetan itu, remaja harus didedahkan dengan ilmu sebegini tanpa melanggar disiplin agama Islam. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan golongan remaja dari mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah bukan daripada ajaran Islam. Shafei Abu Bakar (1997) menghujahkan keperluan ilmu dalam karya sastera yang menjadikan teori Takmilah sebuah teori yang saling melengkapi. Karya Faisal Tehrani ini dilihat memenuhi syarat prinsip ini kerana berjaya mempertalikan ilmu dengan sastera dalam sebuah karya.

Faktor Masyarakat

Masyarakat merupakan salah satu faktor utama dalam menyebabkan berlakunya atau tercetusnya hal murtad. Menurut Ahamd Iqraam Mohamad Noor (2017), masyarakat yang dimaksudkan adalah golongan yang menjadi pencetus utama untuk menyebarkan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam dan golongan yang telah terpengaruh dengan fahaman tersebut. Hal berkaitan masyarakat yang mencetuskan fahaman ini dapat dijelaskan dalam novel Tuhan Manusia melalui petikan 6 di bawah:

Petikan 6

“Saya fikir Encik Aris adalah alat. Tahukah Encik Aris yang Zionis sedang bersekongkol dengan Kristian Evangelis untuk menarik seramai mungkin umat Islam kepada ajaran Kristian. Tahukah Encik Aris yang David Van Beima dalam esei *Should Christians Convert Muslim* dalam majalah Times edisi 30 Jun 2003 mengatakan memang wajar gerakan misionari mensasarkan umat Islam dan memurtadkan mereka.

(Faisal Tehrani 2007, 212-213)

Pengarang membuktikan bahawa masyarakat yang menjadi pencetus adalah masyarakat Zionis yang sememangnya musuh utama orang Islam. Zionis juga telah bekerjasama masyarakat Kristian untuk memperkasakan lagi agenda mereka iaitu memurtadkan orang Islam dengan menggunakan pelbagai cara. Hal ini menimbulkan bukan sahaja kebimbangan malahan kemarahan dalam kalangan orang Islam. Faisal Tehrani bukan sekadar menerapkan nilai pendidikan dalam karyanya yang satu ini tetapi juga menimbulkan kesedaran kepada pembaca bahawa isu murtad ini tidak harus dipandang remeh oleh masyarakat terutama golongan remaja. Golongan remaja boleh dikatakan golongan yang agak mudah untuk dipengaruhi kerana pendedahan mereka terhadap media sosial agak meluas. Hal ini dikatakan demikian kerana fahaman atau pengaruh luar disebarluaskan melalui internet. Penulis ada menyebut tentang golongan remaja yang kurang atau tidak langsung mengambil perhatian serius tentang isu murtad. Remaja tidak sepatutnya mengambil ringan tentang perkara ini kerana golongan remaja menjadi sasaran utama mereka untuk dimanipulasi dan dijadikan tentera fahaman selain Islam.

Sehubungan itu, pengaplikasian prinsip ilmu dengan sastera juga dapat dilihat melalui petikan ini. Hal ini kerana pengarang berjaya menerapkan nilai pendidikan dalam karyanya. Selain itu, kesedaran mengenai keburukan murtad juga telah dipupuk dalam novel *Tuhan Manusia* supaya pembaca dapat mengambil pedoman daripadanya.

Seterusnya, Watak Talha dalam novel *Tuhan Manusia* digambarkan murtad kerana terpengaruh dengan fahaman pluralisme yang disebarluaskan oleh sesetangah masyarakat yang juga telah terpesong akidahnya seperti watak Encik Aris Iskandar. Watak Aris Iskandar menyebarkan fahaman *pluralisme* dengan menulis berkaitan *pluralisme* dalam akhbar sehingga pembaca remaja seperti Talha telah terpengaruh dan keluar dari agama Islam atau murtad. Perkara ini dapat dibuktikan dalam novel *Tuhan Manusia* melalui petikan 7:

Petikan 7

“Dia hanya memberitahu bapanya seorang penternak kambing secara komersial. Ibunya telah meninggal dunia dan Talha menjadi antara aktivis pluralisme yang paling gigih. Kemudian Talha meyakini agama baru itu melebihi keyakinan dirinya sendiri. Aris tidak mencegah, keyakinan Talha itu dilihat bijak dan harus, supaya gerakan liberalisme mereka yang didanai dua yayasan Jerman dan beberapa yayasan dari Amerika akan kekal dengan aktiviti yang mencabar tradisi masyarakat.”

(Faisal Tehrani, 2007:239)

Pengarang membuktikan bahawa watak Talha terpengaruuh dengan fahaman *pluralisme* sehingga keyakinannya terhadap fahaman tersebut sehingga melebihi keyakinannya terhadap agama asalnya sendiri iaitu agama Islam. Fahaman *pluralisme* menurut penulis boleh dikatakan agama baru kerana mempunyai ciri-ciri dan prinsip-prinsip yang tersendiri. Dalam novel *Tuhan Manusia*, Talha digambarkan terpengaruuh dengan fahaman salah tersebut kerana dipengaruhi Aris Iskandar yang menyebarkan fahaman tersebut dengan pelbagai cara termasuk melalui bacaan media cetak. Tujuan Aris Iskandar adalah ingin mengembangkan lagi gerakan *liberalisme* yang dianggotai oleh lebih ramai lagi ahli. Mereka ini adalah golongan masyarakat yang telah terpengaruuh dengan fahaman luar yang bercanggah dengan agama Islam. Pemesongan akidah berlaku apabila seseorang itu mula timbul rasa ragu dengan hakikat ketuhanan seperti mempertikaikan perkara remeh contohnya ragu-ragu tentang kewujudan tuhan, meragui isi al-Quran, tidak percaya perkara ghaib seperti dosa dan pahala dan sebagainya. Perkara sebeginilah yang diragui oleh golongan pluralisme sehingga mereka sanggup meninggalkan agama Islam.

Sehubungan itu, pengaplikasian salah satu prinsip Takmilah, iaitu sastera dengan khalayak dapat dilihat dalam petikan ini. Prinsip ini menegaskan tentang hubungan khalayak dengan karya sastera tidak dapat dipisahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana karya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran khalayak ke arah isu tertentu yang ingin diketengahkan. Mesej dan isi yang ingin disampaikan kepada pembaca juga sangat jelas dengan pengolahan idea dan teknik penulisan yang digunakan juga sangat berkesan.

KESAN-KESAN MURTAD KEPADA ORANG ISLAM

Individu yang murtad sama ada melalui kepercayaan, lisan atau perbuatan sudah semestinya akan memberi kesan kepada dirinya sendiri. Menurut Siti Zaleha Ibrahim(2016), kesan yang akan timbul terhadap individu yang murtad ialah kesan terhadap identiti diri. Identiti bermaksud status agama seseorang itu yang turut mengakibatkan pertukaran undang-undang dan obligasinya terhadap pihak lain dan juga obligasi pihak lain terhadap dirinya. Dalam penentuan status agama seseorang, sering kali ia menjadi pertikaian apabila terdapat kekeliruan dari segi status dan identiti seseorang sehingga menimbulkan kesan dari segi perundangan. Selain itu, keluarga juga akan menerima kesan yang negative sekiranya berlaku kes murtad dalam kalangan ahli keluar. Menurut Muhamad Hafizi Hazbullah (2010), masyarakat Islam terutama sekali akan menghadapi kesan iaitu renggangnya hubungan silaturahim disebabkan ada sesetengah orang Islam yang murtad.

Kesan Individu

Seseorang individu yang murtad akan terpalit kesan negative dalam kehidupan mereka dan meroskan akidah serta tidak memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat kelak. Allah SWT akan memasukan manusia ini ke dalam neraka jahanam. Oleh itu, kesan terhadap individu meninggalkan impak yang sangat besar. Perkara ini dapat dilihat melalui petikan 8 :

Petikan 8

“Ini. Isu murtad? Nama elok-elok Talha, jadi Thomas,” sambil menyorongkan akhbar yang terlipat kemas.

Saya diam. Tunduk. Andai saya memberitahu pak cik di hadapan ini bahawa Thomas itu atau Talha itu ialah abang kandung saya, apa yang boleh terjadi agaknya? Apakah ia dapat merubah keadaan?”

(Faisal Tehrani,2007: 22)

Petikan di atas membuktikan yang penulis novel telah menerapkan ilmu pengetahuan tentang kesan yang akan dihadapi oleh seseorang apabila murtad. Seseorang individu itu akan mengalami masalah atau implikasi dalam menentukan identiti diri iaitu penentuan status agama seseorang. Sebagai contohnya, masalah atau kekeliruan berlaku seseorang yang murtad telah meninggal dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana berlaku kekeliruan ketika upacara pengkebumian. Persoalan bagaimanakah cara untuk menguruskan jenazah tersebut sekiranya dia tidak mempunyai status agama yang sah. Kesan seterusnya yang timbul terhadap individu murtad yang terdapat dalam teks kajian ialah kesan terhadap harta dan pusaka. Menurut Siti Zaleha Ibrahim (2016), harta peninggalan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

Hak Orang Murtad Untuk Mewarisi Harta Orang Lain

Seseorang yang murtad tidak mempunyai hak sama sekali ataupun terhalang (mahrum) untuk mewarisi harta orang Islam samada ibu, ayah ataupun sebaliknya.

Hak Orang Muslim Untuk Mewarisi Harta Orang Murtad

Menurut sebahagian pendapat menyatakan bahawa harta orang murtad akan dipusakai oleh ahli-ahli warisnya yang beragama Islam dan jika tiada waris ia akan diserahkan kepada Baitulmal (Hassan Abdul Rahman 2006).

Rentetan daripada itu, perkara ini ada dijelaskan dalam teks kajian oleh penulis. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan 9 di bawah:

Petikan 9

“Jika seseorang itu murtad, ia menjadi penghalang untuknya mewarisi sebarang harta peninggalan. Hadis daripada Usamah ibnu Zaid: ‘Seseorang Muslim tidak boleh mewarisi harta orang kafir dan orang kafir tidak boleh mewarisi harta orang Muslim’.”

(Faisal Tehrani, 2007: 133)

Petikan di atas membuktikan kesan terhadap individu akibat daripada gejala murtad. Individu tersebut akan mengalami masalah mewarisi harta dan pusaka. Hal ini kerana perbezaan status agama antara ahli keluarga. Anak yang murtad atau bukan Islam tidak boleh mewarisi harta ibu bapa yang beragama Islam. Hal ini akan merumitkan keadaan ketika pembahagian harta dan pusaka dilakukan. Pembaca akan lebih faham tentang isi yang ingin disampaikan oleh penulis teks kajian iaitu Faisal Tehrani. Karya Faisal Tehrani sangat mementingkan isi dan mesej yang ingin disampaikan kepada pembaca.

Sehubungan itu, hal ini bertepatan dengan salah satu prinsip dalam teori Takmilah yang dipilih dalam melakukan kajian ini, iaitu khalayak dengan sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana prinsip ini menegaskan tentang hubungan khalayak dengan karya sastera tidak dapat dipisahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana karya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran khalayak ke arah isu tertentu yang ingin diketengahkan oleh pengarang. Dalam konteks Islam, pengarang haruslah menerapkan unsur pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan. Tujuan unsur-unsur ini diterapkan adalah untuk mengajak khalayak atau pembaca mendekatkan diri pada ajaran Islam dan mengelakkann terpesongnya kepercayaan terhadap Allah.

Kesan Keluarga

Selain itu juga, murtad akan menimbulkan konflik dalam keluarga. Konflik antara ahli keluarga dengan ahli keluarga yang murtad. Tiada penerimaan yang rela kepada orang atau ahli keluarga yang keluar dari Islam. Menurut Haji Said Haji Ibrahim (1998), konflik pasti akan berlaku kerana ahli keluarga yang lain akan menimbulkan isu melibatkan status agama kepada seseorang ahli keluarga yang murtad. Tidak kurang juga yang mengambil tidak endah kerana terlalu kecewa dan boleh membawa kepada pembuangan dari keluarga. Hal ini terdapat dalam teks kajian melalui petikan 10 di bawah:

Petikan 10

“Fahamlah Ali Taqi akan rahsia kekuatan abahnya, berdepan dengan goncangan hebat kehilangan ibu dan pada masa yang sama tindakan Abang Talha yang sungguh terkutuk itu.”

(Faisal Tehrani, 2007: 272)

Petikan di atas jelas menunjukkan Ali Taqi membenci perbuatan abangnya iaitu Talha murtad atau keluar dari Islam. Hal ini kerana penulis menggelar perbuatan murtad sebagai perbuatan terkutuk. Watak Abah yang juga kecewa dengan keputusan Abang Talha yang murtad sehingga Abah berubah menjadi pendiam dan sudah tidak mahu ambil peduli lagi tentang Talha. Berdasarkan petikan di atas, prinsip Takmilah iaitu khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan dapat diaplikasikan. Hal ini kerana pengarang mengajak khalayak untuk sentiasa memikirkan kesan yang terjadi akibat daripada perbuatan sendiri khususnya kesan terhadap keluarga. Karya ini berjaya menerapkan unsur pengajaran untuk dijadikan renungan kepada masyarakat sesuai dengan prinsip Takmilah ini.

Kesan Terhadap Masyarakat

Konflik berlaku apabila seseorang yang murtad tersebut tidak diterima oleh masyarakat. Seseorang itu akan dipulau, dicaci dan dihukum sekiranya sesebuah negara menjalankan undang-undang murtad dengan betul. Di sinilah berlakunya ketegangan dan hubungan silaturahim mula merenggang. Hal ini dapat dilihat dalam teks kajian melalui petikan 11 di bawah:

Petikan 11

“Dewan perhimpunan serasa bergolak hebat.

“Pandangan-pandangan ini bukan pandangan saya, jangan kecoh dulu.” Encik Aris tersenyum mengejek. Seolah-olah terbiasa dengan kekecohan yang tercusus.”

(Faisal Tehrani, 2007:175)

Petikan di atas jelas membuktikan kekecohan yang berlaku dalam kalangan masyarakat tentang isu atau fahaman yang dibawa oleh Aris Iskandar iaitu liberal. Rata-rata masyarakat Islam tidak suka dengan fahaman yang dibawa oleh Aris Iskandar. Sekiranya berlaku murtad kepada mana-mana orang Islam, pasti pertelingkahan akan berlaku. Hal ini membuktikan kesan yang akan timbul kepada masyarakat akibat daripada murtad adalah sangat negatif. Secara keseluruhannya, huraihan bahagian kesan ini bersesuaian dengan salah satu prinsip Takmilah yang dipilih iaitu sastera yang berciri estetik. dapat dilihat dari dua aspek iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Lahiriah berkaitan teknik dalam penghasilan karya seperti bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, daksi, nada dan sebagainya. Manakala, maknawi dapat dilihat dari segi isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Justeru, apabila elemen-elemen ini digabung menjadi satu akan menjurus kepada proses penciptaan dan

pembinaan karya sastera secara kreatif, indah dan sempurna dari aspek dalaman dan luaran. Kedua-kedua aspek ini berjaya dirangkum oleh Faisal Tehrani dalam karyanya.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, hasil yang telah dijalankan iaitu mengkaji isu murtad menggunakan teori Takmilah ini telah memberi kesan yang positif kepada pembaca dan terutamanya penggemar novel Faisal Tehrani. Hal ini dikatakan demikian kerana, belum ada lagi kajian akademik yang dilakukan ke atas novel Tuhan Manusia selain kajian ini. Kekurangan bahan kajian diharapkan dapat ditambah oleh pengkaji-pengkaji akan datang dengan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan dan panduan kepada pengkaji akan datang untuk membuat kajian lebih mendalam tentang teks kajian. Pelbagai perspektif lagi yang boleh dikaji menggunakan teks ini. Teori lain juga boleh digunakan untuk memenuhi kelomongan kajian ini. Mesej dan isi yang ingin disampaikan oleh penulis melalui novel ini adalah isu yang sangat asing kepada masyarakat zaman sekarang. Isu murtad tidak sepatutnya menjadi asing dan harus dititikberatkan supaya musuh-musuh Islam tidak dapat meneruskan agenda jahat mereka.

RUJUKAN

- A Halim Ali. 2020. Kesepadan Stail dengan Perutusan dalam Sajak-Sajak Terpilih Lima Penyair Sabah. *Jurnal Melayu*. 19 (1), 88-104.
- Abdul Halim Ali. 2014. *Teori Takmilah Perluasan dan Penafsiran*. Selangor: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abu Tolha Iqamuddin. 2014. *Siapakah Israel, Yahudi dan Zionis*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Ehsan.
- Ahmad Iqram Mohamad Noor. 2017. *Yahudi, Kristian, Hindu, dan Buddha Berasal Daripada Islam*. Selangor: PTS Publishing House.
- Ahmad Syahidan bin Kasim. 2014. *Islam dan Pluralisme*. Kuala Lumpur : IKIM.
- Arieff Salleh Rosman. 2001. *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Che Abdullah Che Ya. 2018. Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17 (2), 328-342.
- Faisal Tehrani. 2007. *Tuhan Manusia*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd.
- Harun Din. 2015. *Manusia Dan Islam*. Selangor: PTS Publishing House.
- Harun Haji Salleh. 1992. *Murtad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Madiawati Mamat, Nurhamizah Hasim & Eizah Mat Husain. 2020. Manifestasi Perpaduan dalam Era Malaysia Baharu Melalui Kumpulan Pantun Warisan. *Jurnal Melayu*, 19 (1), 75-87.

- Muhammad bin Ibrahim At-tawaijiri. 2003. *Fikh Dunia Akhirat*. Klaten: WAFA.
- Muhammad Hafizi Hazbullah. 2010. *Keajaiban Bersyariat & 20 Tanda-Tanda Murtad,Penghalang dan Puncanya*. Rawang: Pustaka Ilmuwan.
- Muhammad Nur Adzim Amran, Ahamad Asmadi Sakat & Latifah Abdul Majid. 2015. Analisis Hadis Mawduc' Dalam Novel Perempuan Nan Bercinta Karya Faisal Tehrani. *Jurnal Al-Hikmah*, 7 (2), 40-54.
- Naim Abdul Aziz. 2019. *Kajian Kepengarangan Dalam Karya-Karya Faisal Tehrani: Suara Untuk Suara Yang Tidak Bersuara*. Kuala Lumpur: Aswara.
- Rosmah Derak & Asmiaty Amat. 2016. Perjuangan wanita dalam Novel Surat-Surat Perempuan Johor. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 24 (1),1511-1989.
- Said Ibrahim. 1998. *Jinayah Murtad*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Shafei Abu Bakar. 1997. *Estetika dan Takmilah*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Siti Zaleha Ibrahim, Nur Sarah Tajul Urus & Mohd Faisal Mohamed. 2016. Pertukaran Agama Dan Kesannya Terhadap Komuniti: Satu Sorotan Terhadap Kes-Kes Murtad Dan Masuk Islam Di Malaysia. *Journal Of Social Science And Humanities*, 13 (4), 204-213.
- Steven Alexander & Shaiful Bahri Md Radzi. 2020. Konflik Migran China dengan Masyarakat Peribumi Kalimantan Barat: Suatu Analisis Syair Perang China di Monterado. *Jurnal Melayu*. 19 (1), 1-19.
- Syahrin Harahap. 2016. *Islam Agama Syumul: Membangun Muslim Komprehensif*. Nilai: Ilham Books.
- Syaikh Muhammad Abdul Wahab. 2016. *Hakikat Dakwah*. Jakarta: Darul Falah
- Syeikh Yusuf AlQardhawi. 1994 *Karakteristik Islam: Kajian Analitik*. Surabaya: Risalah Gusti.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat @ Mustafa & Fauzi Hasan. 2017. Novel-Novel Faisal Tehrani Dari Perpektif Teksdealisme. *Jurnal Pengajaran Melayu*, 28 (1), 262-287.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2008. *Islam: Sistem Kehidupan Yang Syumul*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Biodata Penulis:

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah adalah pelajar Sarjana di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan dan Sastera

Mohd Firdaus Che Yaacob adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan dan Sastera